

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL  
RAHMAN [ MUAR ]**

**SOALAN**

**TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen terhadap Projek Pasar Baharu Parit Jawa yang telah pun diluluskan peruntukannya sejak 18 Mac 2019.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited terhadap pelaksanaan Projek Pasar Baharu Parit Jawa. Pelaksanaannya dijangka akan bermula dalam bulan Ogos 2020 sebaik sahaja proses pelantikan kontraktor dibuat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT  
[ LUBOK ANTU ]**

**SOALAN NO. 482**

**TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [ LUBOK ANTU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah dan usaha dilakukan oleh Kementerian dalam usaha mengatasi masalah kesesakan di wad-wad hospital Kerajaan di Sarawak yang ketika ini dianggap kritikal.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat Malaysia. Antara langkah-langkah yang diambil oleh KKM untuk mengatasi masalah kesesakan di wad-wad hospital Kerajaan di negeri Sarawak adalah :

- a) Pelaksanaan **Hospital Kluster** yang menggabungkan beberapa hospital bagi membentuk satu entiti kluster. Dengan inisiatif ini kesesakan di wad di hospital berpaku dapat dikurangkan melalui pengagihan pesakit bagi mendapatkan rawatan yang setara di hospital daerah yang kurang sesak. Sebanyak enam buah Hospital Kluster telah dirancang untuk dilaksanakan bagi kesemua 23 buah hospital dan institusi di negeri Sarawak. Melalui pembentukkan hospital kluster, lebih banyak ruang dan peluang akan dapat dilakukan bagi mengurangkan

kesesakan di wad-wad di hospital berpakar. Antaranya adalah memindahkan lebih ramai pesakit dari Hospital Berpakar ke hospital daerah dan membangunkan kepakaran atau perkhidmatan tertentu yang bersesuaian di hospital daerah di dalam kluster.

- b) Melalui pendekatan ***staggered clinic appointment (temujanji berfasa)***, pesakit hadir pada masa yang telah ditetapkan. Dengan cara ini, kesesakan dapat dikurangkan kerana pesakit akan hadir pada waktu yang ditetapkan sahaja.
- c) *Business Process Reengineering* (BPR) melalui pelaksanaan ***Lean Healthcare Initiatives***. Inisiatif ini melibatkan 52 buah hospital sejak tahun 2013, termasuk hospital-hospital di Sarawak. Banyak proses yang didapati tidak perlu, tiada nilai tambah atau membazir berjaya dihapuskan, sekaligus dapat mengurangkan kesesakan sedia ada.
- d) ***Discharge Lounge*** di hospital-hospital bagi menempatkan pesakit yang boleh didiscaj agar katil dapat dikosongkan, dengan cara ini masa menunggu untuk pesakit lain masuk ke wad dapat dikurangkan.
- e) **Inisiatif Global Surgery** telah dirancang bagi mengurangkan kesesakan untuk kes-kes pembedahan. Melalui inisiatif ini, kes-kes pembedahan kecil dapat dilaksanakan di hospital-hospital daerah yang mempunyai dewan bedah. Ini akan mengurangkan kesesakan di hospital berpakar dan secara tidak langsung rakyat akan mendapat perkhidmatan yang lebih hampir dengan mereka.

Sekian, terima kasih.